

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN
Lokasi : HOLIDAY VILLA SUBANG, SUBANG JAYA
Tarikh : 17-09-2002

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan perkenan-Nya maka kita semua dapat berada di majlis pada petang ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan Jawatankuasa PERTAMA di atas jemputan menghadiri majlis ini dan penghormatan yang diberikan kepada saya untuk melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin.

2. Sesungguhnya kita bersyukur kerana kita semua berada di Malaysia, sebuah negara yang masih terpelihara Allah S.W.T. daripada segala bentuk musibah, kesengsaraan dan penderitaan hidup seperti yang melanda negara-negara lain termasuklah negara yang mana rakyatnya seagama dengan majoriti rakyat kita di sini.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

3. Sambil kita terharu dan bersimpati dengan penderitaan mereka yang ada antaranya berlanjutan sehingga beberapa tahun lamanya, kita terpanggil untuk berbuat sesuatu bagi meringankan bebanan mereka untuk meneruskan hidup ini. Justeru itu, inisiatif PERTAMA dalam menganjurkan majlis ini yang bertujuan mengisi Tabung Kemanusiaan Palestin amatlah bertepatan sekali dan sesuai dengan kehendak masa.

4. Saya amat menyokong usaha murni PERTAMA ini yang saya doakan agar berjaya mencapai segala objektifnya. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai insan untuk membantu mereka yang memerlukan perhatian, bantuan dan pertolongan khususnya rakyat Malaysia yang boleh dikatakan lebih baik nasib kita berbanding dengan mereka. Lantaran itu, kita hendaklah menghulurkan bantuan dan sumbangan untuk turut sama meringankan penderitaan mereka.

5. Sumbangan kita kepada Tabung Kemanusiaan Palestin hari ini merupakan langkah pertama yang amat penting yang akan mencetuskan beberapa ribuan langkah yang bermakna dalam kita menghayati makna kemanusiaan. Perancangan rapi dan tersusun, ditokok dengan iltizam yang benar-benar ingin berbakti akan menghasilkan satu komitmen yang amat bermakna. Ia adalah lebih bermakna kepada mereka yang menerima sumbangan ini kerana sumbangan ini biar kecil sekali pun amatlah bermakna kepada mereka yang memerlukan.

6. Dahulunya kita pernah buktikan kemurahan hati rakyat kita dengan pelbagai bantuan dan sumbangan kepada ribuan rakyat Bosnia, Afghanistan dan kini kepada rakyat Palestin. Saya juga menghargai sikap rakyat Malaysia yang sentiasa ingin berbakti kepada masyarakat lain termasuklah masyarakat dunia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan penerima.

Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

7. Sesungguhnya kita amat berkesempatan untuk berbuat demikian kerana kita berada di sebuah negara yang bebas, merdeka dan mampu membantu negara-negara lain untuk meneruskan kehidupan. Nasib kita jauh lebih baik daripada rakyat di negara-negara lain. Kita bernasib baik kerana negara ini diterajui oleh barisan kepimpinan yang amat bertanggungjawab dan komited.

8. Kita juga bernasib baik kerana Kerajaan yang ada hari ini adalah yang mantap, bebas dan terkenal dengan sifat membela rakyat.

9. Namun, sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita tidaklah boleh menerima kesemuanya ini dengan sikap sambil lewa atau >taking things for granted=. You don=t know what you have until one day you lose it! Fenomena ini pernah berlaku dan tidaklah mustahil sekiranya ia berlaku lagi di masa hadapan andai kita tidak berhati-hati.

Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

10. Saya difahamkan bahawa pada tahun lepas, PERTAMA turut sama terbabit memberi sumbangan kepada Tabung Rakyat Afghanistan yang menderita akibat peperangan. Pada tahun ini pula, PERTAMA sendiri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Tabung Kemanusiaan Palestin. Saya amat menghargai dan menyanjung tinggi usaha PERTAMA dalam melunaskan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat.

11. Kita berharap usaha murni ini akan menjadi teladan kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang lain dalam memberi makna kepada manusia sejagat.

12. Biarpun kita semua sibuk dengan tugas harian masing-masing, namun saya berharap agar kita dapat meluangkan masa untuk berbuat baik kepada masyarakat menerusi usaha-usaha murni seperti ini. Syabas kepada PERTAMA dan barisan jawatankuasanya.

13. Dengan kata-kata itu dan dengan harapan agar usaha kita ini akan diberkati Allah S.W.T., maka saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin.

Sekian, Wabilahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.